

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini mencapai kesepakatan bersama empat buah universiti dari Malaysia, Indonesia, dan Filipina setelah mengadakan Perbincangan mengenai Konsortium Institusi Pengajian Tinggi Islam (Consortium of Islamic Institutions of Higher Learning for Academic Quality and Research Advancement - Consortium i-IQRA) untuk Kualiti Akademik dan Kemajuan Penyelidikan.

Pertemuan dan perbincangan diadakan di Bilik Senate, UNISSA, dihadiri oleh Pemimpin-pemimpin Tertinggi terdiri daripada Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Vice Chancellor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohamed Ridza Wahiddin; Rektor Universitas Darussalam (UNIDA) Gontor Indonesia, Profesor Dr. Amal Fathullah Zarkasyi, M.A.; dan Setiausaha Majlis University Mindanao State University (MSU) Filipina, Tuan Usman Aragasi.

Konsortium itu adalah untuk memperkuat hubungan intelektual di antara ahli dengan mewujudkan rangkaian dalam kalangan universiti, institusi penyelidikan dan pusat kecermerlangan dalam Pengajian Islam.

Konsortium tersebut juga sebagai platform kerjasama yang jitu di antara universiti dalam melaksanakan program-program yang dirancang, khususnya dalam

UNISSA capai kesepakatan

pengendalian Seminar Institusi Pengajian Tinggi Islam (SeIPTI).

Rektor UNISSA, dalam ucapan alu-aluan menjelaskan bahawa UNISSA akan terus berganding bahu dan memberikan sokongan apa jua program-program yang berbentuk kemaslahatan dan kebajikan umat Islam yang melibatkan institusi Pengajian Islam serantau. Kepercayaan yang diberikan kepada UNISSA selaku Tuan Rumah SeIPTI 2019 adalah amat bermakna dalam mengukuhkan jaringan kerjasama strategik.

Objektif i-IQRA adalah untuk menggalakkan universiti dan institusi penyelidikan untuk melangkah keluar daripada peranan konvensional mereka dalam penyelidikan juga pendidikan akademik, bekerja sama bersama institusi lain dan memberikan manfaat praktikal juga ketara kepada masyarakat melalui penyelidikan diterapkan di perumusan dasar.

Dalam perjumpaan tersebut, semua pemimpin Universiti menandatangani Piagam Konsortium i-IQRA dan bersetuju akan mengadakan perjumpaan berikutnya di Universitas Darussalam (UNIDA) Gontor Indonesia pada Tahun 2020.

Perjumpaan tersebut bersetuju dengan Resolusi SeIPTI 2019 yang diadakan selama dua hari bermula 6 hingga 7 November 2019, antara lain mengenai usaha menghasilkan



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (dua, kanan); Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohamed Ridza Wahiddin (dua, kiri); Rektor Universitas Darussalam (UNIDA) Gontor Indonesia, Profesor Dr. Amal Fathullah Zarkasyi, M.A (kiri); dan Setiausaha Majlis University Mindanao State University (MSU) Filipina, Tuan Usman Aragasi (kanan) pada Perbincangan mengenai Konsortium Institusi Pengajian Tinggi Islam untuk Kualiti Akademik dan Kemajuan Penyelidikan (Consortium of Islamic Institutions of Higher Learning for Academic Quality and Research Advancement - i-IQRA).

inovasi menerusi penyelidikan Islam berdasarkan sains dan teknologi yang diperoleh dalam seminar ini perlulah diteruskan supaya dapat mengembalikan semula kegemilangan Islam dalam mengharungi arus Revolusi Industri (RI) 4.0.

Kebanyakan penemuan saintifik, teknologi dan ciptaan inovasi hari ini sebenarnya diasaskan oleh ilmuwan Islam semasa zaman kegemilangan Islam. Sebagai contoh, Ibnu Al-Haitham yang mencipta teknologi optik. Penemuan teknologi berkenaan memberikan inspirasi kepada Roger Bacon dan Kepler untuk mencipta mikroskop dan teleskop. Resolusi tersebut turut

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

menyatakan bahawa bagi menyokong Pendidikan Tinggi Islam menuju ke arah kecemerlangan di era ini, kolaborasi dalam pelbagai bidang ilmu (*multidisciplinary*) adalah merupakan satu kelebihan untuk menyediakan lebih banyak

pendekatan yang sesuai dan wajar bagi menyelesaikan satu-satu masalah.

Majlis diakhiri dengan meraikan para pemimpin universiti dengan Makan Tengah Hari di Restoran Tarindak D'Seni, Jalan Subok, di samping bertukar-tukar pendapat.

Bekas Penuntut SUAMPRIPAD Tahun 1969 diraikan

Berita dan Foto : Noraishah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Sabtu, 9 November. - Banyak kelebihan dan keistimewaan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada mereka yang mengadakan atau menghadiri Majlis Maulidur Rasul.

Betapa besarnya kelebihan orang yang memuliakan Majlis Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana walaupun setakat bermuat sahaja hendak mengadakan Maulud Nabi, dikira mendapat pahala dan dimuliakan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, lebih 60 bekas penuntut Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD) Tahun 1969, dipengerusikan oleh Sharifah Fatimah Sheikh Haji Ahmad menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran yang diseluruhnya dengan Majlis Sambutan Maulidur Rasul dan Dikir Marhaban.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Masnon binti Haji Ibrahim yang turut merenjis minyak wang ke para peserta khatam.

Setelah menamatkan zaman persekolahan mereka tidak pernah berjumpa lagi, namun hubungan mereka kembali terjalin setelah adanya kemudahan WhatsApp dan menjadikan mereka kembali bergabung.

Majlis dikelolakan oleh Dayang Hajah Jariyah binti Durahman dan keluarganya di Daerah Belait.

Semasa temu bual Pelita Brunei bersama Pengelola Acara, Dayang Hajah Jariyah berasa terharu dan gembira atas sambutan juga penyertaan kesemua bekas Penuntut Sekolah Arab era Tahun 1969 itu dan insyaAllah acara seumpamanya akan dilaksanakan setiap tahun, di samping berharap agar hubungan silaturahim yang *mahabbah* di antara mereka akan tetap kental terjalin teguh dan berkekalan sehingga ke *jannah*.

Sementara itu, Dayang Hajah Jariah binti Haji Nayan melahirkan rasa gembira kerana dapat bertemu semula bersama sahabat baiknya, adik-beradik, Dayang Hajah Halimah binti Haji Hidup; dan Dayang Hajah Halipah binti Haji Hidup setelah 45 tahun tidak bertemu sejak menamatkan zaman persekolahan masing-masing.

Apabila kita bermuat untuk melakukan sesuatu yang baik, maka ia merupakan doa dan dikira amal jariah, di samping memohon agar sentiasa diberikan hidayah, selain mencari pahala melalui majlis ilmu seumpama itu.



DATIN Paduka Dr. Dayang Hajah Masnon binti Haji Ibrahim (kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Pengelola Acara, Dayang Hajah Jariyah binti Durahman.

Jadikan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam suri teladan



MAJLIS Khatam diketuai oleh Yang Di-Pertua Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA), Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Awang Ali.

JERUDONG, Sabtu, 9 November. - Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah satu-satunya insan tunggal yang mencapai kejayaan luar biasa dalam menegakkan syiar agama Islam kepada seluruh umat manusia.

Ini juga merupakan satu penghormatan dan rahmat bagi kita semua.

Penceramah Undangan, Pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Norhayati binti Haji Abd. Rahman menyentuh perkara itu dalam Ceramahnya, bertajuk 'Meneladani Muamalat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1441 Hijrah / 2019 Masihin anjuran Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA), bertempat di Kediaman Yang Di-Pertua BASMIDA di Ar-Raiyan, Jalan Jerudong, di sini.

Menurutnya lagi, kita hendaklah mencontohi Baginda, bukan sahaja dalam pergaulannya bersama ahli keluarganya, tetapi juga wajar mencontohi Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam dalam sikapnya menguruskan perniagaannya bersama pelanggannya.

"Apakah tidak menjadi satu kerugian apabila seorang manusia itu mencontohi, meneladani Baginda dalam kehidupan sehariannya, akan tetapi menjadi satu kerugian apabila kitani menjadikan orang lain, selain Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai suri teladan," ujarnya.

Baginda menjalankan aktiviti perniagaannya, sama ada melalui berbekalkan dengan modal yang sedikit ataupun melalui upah peniaga-peniaga Mekah, di mana walaupun Baginda menjalankan perniagaannya dengan berbekalkan modal yang sedikit, tetapi dengan reputasi akhlaknya yang terpuji, sifat amanahnya dan jujurnya yang digelar Al-Amin menarik ramai peniaga yang menjadikan Baginda sebagai rakan kongsi, termasuklah Sayyidatina Siti Khadijah.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

Wasallam, dikepalai oleh Dayang Hajah Saadiah binti Haji Ibrahim.

Selepas itu diteruskan dengan bacaan Doa Sebelum Membaca Al-Quran oleh Dayang Hajah Asmah binti Paidi, manakala bacaan Doa Selepas Membaca Al-Quran oleh Dayang Hajah Nur Bayu binti Haji Saleh.

Bacaan Doa Khatam Al-Quran dan Takhtim dibacakan oleh Dayang Hajah Nor Jainah binti Haji Putera; dan Dayang Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali, disusuli dengan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Doa Penutup, dipimpin oleh Dayang Aizat Yatimi binti Haji Sahri.

Sementara itu, Yang Di-Pertua BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Awang Ali dalam ucapannya, antara lain menyatakan Al-Quran merupakan sumber sebagai pedoman hidup. Begitu juga Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kedua-dua ini jelasnya merupakan kompas kehidupan yang tidak boleh dimiliki oleh semua umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam baik yang tua, muda, lelaki atau perempuan.

"Sudah pastilah orang yang berpegang dengan keduanya tidak akan ditimpah kesesatan di dunia dan kecelakaan di akhirat," tambahnya.

Katanya, ini kerana adab dan akhlak Baginda datangnya daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Semuanya adalah atas petunjuk-Nya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan hanya menyeru umat manusia pada kebaikan, tetapi Baginda menunjukkan teladan yang baik dengan melaksanakannya.